



Ruj. Kami : KPMSP.100-11/2/1(11)
Tarikh : 30 September 2015

Semua Pengarah Pendidikan Jabatan Pendidikan Negeri

YBhg. Datuk/Tuan,

SURAT SIARAN KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA BILANGAN 15 TAHUN 2015

PELAKSANAAN SISTEM *SINGLE SIGN ON* (SSO) UNTUK LOG MASUK SISTEM PENGURUSAN SEKOLAH (SPS)

Dengan hormatnya perkara di atas adalah dirujuk.

2. Sukacita dimaklumkan bahawa Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) sedang berusaha memantapkan penggunaan satu sistem bersepadu dengan mengambil kira pengintegrasian aplikasi dan data kepada satu data tunggal bagi murid, guru dan Sekolah. Pengintegrasian ini merupakan satu usaha bagi meningkatkan mutu perkhidmatan KPM.
3. Sehubungan dengan itu, pihak KPM telah membangunkan Sistem *Single Sign On* (SSO) bagi memudahkan pengguna **Sistem Pengurusan Sekolah** log masuk ke dalam aplikasi berkaitan. Untuk makluman YBhg. Datuk/Tuan, sesi ujian yang melibatkan **79** buah sekolah telah dilaksanakan dari **20 Ogos hingga 3 September 2015** dan semua penambahbaikan berkaitan telah diambil tindakan.
4. Sistem SSO Fasa 1 ini dilaksanakan di seluruh negara bermula **1 Oktober 2015** dan boleh diakses melalui alamat <https://sps1.moe.gov.my/indexsso.php>. Sistem SSO Fasa 1 akan melibatkan akses kepada **Tiga Belas (13) aplikasi utama** yang telah dikenal pasti. Fasa 2 pelaksanaan sistem SSO yang melibatkan **Sembilan (9) aplikasi lain** sedang dalam proses pembangunan dan dijadualkan untuk dilaksanakan pada **1 Disember 2015**.

